

09 MAR 2002

Ling-Singapura

MALAYSIA TERUS AWASI KESAN PENAMBAKAN OLEH SINGAPURA

JOHOR BAHRU, 9 Mac (Bernama) -- Singapura seharusnya membenarkan Malaysia memperolehi maklumat hasil kajian yang dijalankannya sebelum memulakan kerja penambakan di perairan sempadan bersama kedua-dua negara di Selat Johor.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, Singapura tentunya sudah menjalankan kajian-kajian yang sepatutnya seperti kesan hidrologi, perubahan pergerakan arus dan pemendapan pasir.

"Kita harap Singapura, yang sudah pasti menjalankan kajian-kajian sebelum mereka memulakan kerja, benarkan kita capai hasil kajian itu. Mereka seharusnya tahu implikasi daripada apa yang mereka lakukan," katanya kepada pemberita selepas melawat Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini, hari ini.

"Buat masa sekarang walaupun tambakan laut di Tuas menuju jauh dari laluan memasuki ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) tetapi kita perlu mengawasi keadaan, kita perlu meneliti kesan-kesan penambakan itu," tambahnya.

Beliau percaya PTP sudah pun mengadakan pakar-pakar runding untuk meneliti kesan-kesan itu dan jika ada kesan yang membahayakan atau menjejaskan prestasi dan keupayaan perkhidmatan PTP, ia akan segera dimaklumkan kepada Singapura melalui saluran-saluran yang ada.

Dr Ling berkata walaupun kawasan penambakan masih 3.5 batu nautika daripada PTP, pelabuhan terbaru dan paling berkembang pesat di Malaysia yang terletak di barat Johor, Malaysia boleh mengesan apa-apa kesan buruk kepada PTP di peringkat awal lagi.

"Kesan hidrologi, terhadap arus ombak dan pemendapan... kita perlu mengkaji supaya kita boleh mengesan sebarang kesan buruk di peringkat awal lagi," katanya.

"Kita mengkaji semua kesan... pakar-pakar hidrografi akan dapat memberitahu kita kesan semua ini. Ia baik kerana kita dapat bertindak di peringkat awal lagi," tambahnya.

Begitu juga dengan kesan yang boleh menjejaskan Pelabuhan Pasir Gudang di sebelah timur Johor, dan menambah kata bahawa pengawasan berterusan dan kajian hidrologi perlu dijalankan segera.

Beliau berkata berdasarkan kerja penambakan yang dijalankan 24 jam oleh republik itu, kesan akhirnya ialah laluan perairan keluar masuk kapal-kapal dagang di Selat Johor semakin sempit.

Mengenai sama ada terdapat mekanisme yang membolehkan Malaysia kemudiannya menuntut pampasan jika menerima kesan buruk daripada kerja penambakan itu, Dr Ling berkata ia perlu diteliti daripada segi undang-undang kelautan.

Akhbar hari ini melaporkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Singapura perlu memberi jaminan bahawa kerja menambak laut di beberapa lokasi di perairannya tidak akan menjejaskan garis laut terdalam yang menjadi pemisah sempadan dengan Malaysia.

Dr Mahathir berkata Kementerian Luar sedang mengkaji untuk mendapatkan jaminan dari negara jiran di selatan itu bahawa tindakan menambak laut itu tidak akan memberi kesan langsung kepada persekitaran sempadan kedua-dua negara dan laluan keluar masuk kapal ke pelabuhan.

Singapura sebelum ini telah menegaskan bahawa kerja penambakan yang dijalankan sama ada di Tuas di sebelah barat atau di Pulau Tekong di sebelah timur dijalankan dalam sempadan negaranya tetapi membisu mengenai

kesan terhadap PTP dan Pelabuhan Pasir Gudang yang memberi saingan kepada pelabuhan di republik itu.

-- BERNAMA

MNY PR